

# Berbasikal boleh jadi budaya hidup kita

Saya merujuk laporan BH bertarikh 4 Mei 2014 mengenai program berbasikal di ibu negara 'KL Car Free Morning' edisi kelima dalam usaha mengurangkan pelepasan asap karbon dioksida di pusat bandar raya. Program ini turut disertai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Saya sangat menyokong serta berbangga dengan kerjasama yang diberikan oleh mereka yang menyertai program ini. Saya yakin jika program seperti ini terus diadakan, kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang kurang pencemaran.

Apabila menggunakan basikal, kita dapat mengurangkan pencemaran udara. Ini adalah salah satu cara untuk pengangkutan efektif yang masih belum mendapat perhatian penduduk Malaysia. Negara seperti Sweden dan China telah pun menggunakan basikal sebagai salah satu pengangkutan awam yang utama. Rakyat negara berkenaan berbasikal untuk semua aktiviti harian mereka termasuk untuk pergi bekerja.

## Dapat beri kesedaran

Justeru, program seperti ini dapat memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat Malaysia tentang kelebihan berbasikal. Jika negara lain di luar sana mampu mengamalkannya mengapa tidak Malaysia? Berikutan itu, program 'KL Car Free Morn-



Antara gelagat warga kota yang menyertai Hari Bebas Kenderaan di sekitar Jalan Raja laut yang **ditutup bagi membolehkan warga kota beriadah pada hari minggu.**

[FOTO ASYRAF HAMZAH | BH]

ing' adalah satu usaha yang harus disokong agar Malaysia juga mampu memupuk tabiat berbasikal dalam kalangan rakyat supaya mereka sedar kebaikan menggunakan basi-

kal untuk menjaga kesihatan dan memelihara alam sekitar.

Selain itu, program 'KL Car Free Morning' juga memberi peluang kepada mereka yang inginkan

ketenangan dari hiruk pikuk kenderaan untuk berjoging serta bermain papan luncur bersama kawan dan anggota keluarga di kawasan tumpuan kesesakan jalan raya. Peluang

seperti ini sudah pasti tidak dilepaskan oleh seluruh penduduk kota membawa keluarga masing-masing untuk beriadah.

Di samping itu, program seperti ini juga bukan sahaja dapat memberi kesihatan yang baik serta mewujudkan suasana persekitaran yang sihat, malah dapat mengeratkan hubungan pelbagai lapisan masyarakat di bandar raya ini serta mengukuhkan perpaduan di antara pelbagai kaum.

## Pertimbang bangun infrastruktur berbasikal

Justeru, Malaysia dalam Rancangan Malaysia ke-10 dari 2011-2015, perlu mempertimbangkan secara serius untuk membangunkan infrastruktur berbasikal untuk rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, rakyat juga hendaklah menanamkan minat untuk menggunakan basikal sebagai kenderaan utama untuk semua urusan mereka, bagi jarak perjalanan antara 10 kilometer hingga 15 kilometer dari rumah mereka.

Diharapkan kerajaan serta seluruh rakyat Malaysia akan terus memberi sokongan terhadap program 'KL Car Free Morning' serta mengadakan program seperti ini di seluruh Malaysia.

**Nur Syamimi  
Muhamad Shahimi**

Universiti Sains Islam Malaysia